# POLISI

## PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

1. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat merupakan panduan yang menggariskan proses penerimaan aduan, penyiasatan, penyediaan laporan dan tindakan yang akan diambil ke atas warga DBKU yang terlibat.
2. Pelaksanaan polisi ini adalah sebagai langkah memerangi salah laku serta ketidakpatuhan warga DBKU kepada undang-undang, kod etika, pekeliling dan peraturan sesuatu kontrak kerja yang berkenaan.
3. Polisi ini juga adalah sebagai langkah melindungi warga DBKU daripada sebarang tindakan atau ancaman setelah mendedahkan maklumat dengan niat yang ikhlas.

## OBJEKTIF

1. Menyediakan kemudahan kepada umum untuk menyalurkan maklumat tentang perlakuan salah laku warga DBKU.
2. Menyediakan panduan untuk proses tindakan yang diambil ke atas semua aduan berkaitan salah laku dan integriti.
3. Memberi peluang kepada warga DBKU melaporkan sebarang ketidakpatuhan tatakelakuan dalam kalangan warga DBKU.

## KERAHSIAAN

1. Segala maklumat/aduan yang disalurkan akan dirahsiakan dan identiti pemberi maklumat tidak akan didedahkan.
2. Dalam keadaan tertentu di mana Pegawai Penyiasat perlu mendapatkan maklumat lanjut daripada Pemberi Maklumat, Pegawai Penyiasat akan menghubungi terus Pemberi Maklumat berkenaan.
3. Segala maklumat/aduan yang diperoleh tidak akan didedahkan.

Polisi ini adalah berlandaskan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Sekiranya anda mempunyai maklumat tentang perbuatan salah laku yang menyalahi etika / integriti melibatkan warga DBKU, sila hubungi kami seperti di bawah :

Menghubungi talian 082 - 446688 sambungan 400/301/155

Melapor terus ke :

- Datuk Bandar
  Pengerusi Jawatankuasa JITU
  Dewan Bandaraya Kuching Utara
  Tingkat 4, Bukit Siol, Jalan Semariang,
  Petra Jaya Kuching
- Pengarah
  Dewan Bandaraya Kuching Utara
  Tingkat 3, Bukit Siol, Jalan Semariang,
  Petra Jaya Kuching
- Ketua Bahagian
  Bahagian Audit Dalam,
  Dewan Bandaraya Kuching Utara
  Tingkat 1, Bukit Siol, Jalan Semariang,
  Petra Jaya Kuching

**Dewan Bandaraya Kuching Utara**
Bukit Siol, Jalan Semariang, Petra Jaya 93050, Kuching, Sarawak.
Tel : + 6082 446688 Faks : + 6082 441269/ + 6082 446414 Website : www.dbku.sarawak.gov.my



# POLISI

# PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA

# CARTA ALIRAN
# POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Dewan Bandaraya Kuching Utara




Nota :

JITU - Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus

PP - Pegawai Penyiasat (Pegawai dari Bahagian Audit Dalam, Pengurusan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Undang-Undang)

HRM - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, DBKU